

07 OCT 2002

Mahathir-Saddam/I

SINGKIR SADDAM TAK AKAN HAPUSKAN KEGANASAN, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 7 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tindakan menyingkirkan Presiden Saddam Hussein dan membawa demokrasi ke Iraq tidak akan menyelesaikan masalah membabitkan negara itu mahupun menangani dengan berkesan keganasan anatarabangsa.

Perdana Menteri berkata Presiden Amerika Syarikat George W. Bush juga mengambil pendirian yang salah dalam membanteras keganasan kerana rakyat Amerika marah disebabkan serangan pada 11 Sept, dan "orang yang marah tidak berfikir dengan waras."

"Kunci kepada penyelesaian masalah itu adalah dengan mencari punca yang menyebabkan keganasan," katanya pada dialog di pejabatnya dengan 40 Fellow Media tempatan dan antarabangsa yang menghadiri Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur anjuran Forum Ekonomi dunia.

Perdana Menteri ditanya pelbagai soalan daripada isu menangani keganasan antarabangsa kepada tumpuan yang lebih kepada bahasa Inggeris di sekolah di Malaysia.

Dr Mahathir mengulangi bahawa untuk menghapuskan keganasan, punca yang menyebabkannya perlu dikenal pasti.

Perdana Menteri berkata Malaysia telah berdepan dengan masalah keganasan apabila ia mencapai kemerdekaan 45 tahun lepas tetapi berjaya menemui puncanya.

Apa yang didapati ialah banyak penduduk Cina merasakan mereka tidak mempunyai hak di negara ini kerana mereka tidak diterima sebagai warganegara ketika itu, katanya.

Ekoran itu, kira-kira satu juta orang Cina diberikan surat kerakyatan, dan pengganas akhirnya menamatkan perjuangan mereka.

Dr Mahathir berkata Bush seharusnya mendengar pendapat masyarakat antarabangsa dalam menangani isu keganasan.

"Kecuali Britain, negara-negara lain tidak menyokong serangan udara terhadap Iraq," katanya.

Kepada soalan sama ada perubahan rejim atau membawa demokrasi ke Iraq akan mengatasi masalah di negara itu, Dr Mahathir berkata demokrasi tidak juga dapat menyelesaikan masalah di banyak negara Amerika Latin.

Mengenai layanan kasar terhadap pelawat asing di lapangan terbang di Amerika Syarikat, beliau berkata ia tidak menyumbang ke arah pemulihan ekonomi dunia.

Ketika diminta mengulas saranannya kepada negara-negara Islam supaya menggunakan minyak sebagai senjata, Dr Mahathir berkata cadangannya itu dibuat dengan alasan bahawa oleh kerana mereka mengeluarkan kebanyakan keperluan minyak dunia, mereka masih mempunyai kekuatan menerusi bahan itu.

Namun, katanya, negara-negara Islam masih bersengketa sesama sendiri dan lemah hingga menyebabkan mereka ditindas oleh negara-negara lain.

Mengenai hubungan dengan Singapura, beliau berkata : "Kami masih bercakap."

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, terdapat beberapa isu yang perlu diselesaikan antara kedua-duanya seperti pembelian air mentah dari Malaysia pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen, caruman pekerja dari Semenanjung Malaysia kepada Kumpulan Simpanan Wang Pusat di Singapura yang tidak dapat dikeluarkan dan kerja penambakan oleh republik itu.

Perdana Menteri berkata harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen terkandung dalam perjanjian yang dibuat oleh pihak British pada 1927 semasa Singapura menjadi jajahannya dan Johor adalah di bawah lindungan British.

Malaysia pula membayar 50 sen bagi 1,000 gelen yang dirawat kepada Singapura.

"Berapakah benda hari ini yang dikenakan harga pada 1927?" kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

SHY HK MAI